

# ELEMEN SUMBANGAN DALAM PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN: PENGALAMAN KAUM WANITA MELAYU DI MALAYSIA

Mohd Anuar Ramli<sup>1</sup>, Mohd Norhusairi Mat Hussin<sup>2</sup> and Mohammad Aizat Jamaludin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.*

<sup>2</sup>*Jabatan Syariah Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.*

<sup>3</sup>*Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia, Malaysia.*

*mohdaizat@upm.edu.my*

## ABSTRACT

*Women are complementary to men. This kind of mutual relationship has led to its positive expression as a "gender friendly" element, especially in the development of Islamic law within the Malay World. On the whole, women in the Malay Archipelago have survived the socio-cultural construction differently compared to women in other areas. Historically, besides their primary task in the domestic sphere, the Malay-Muslim women have also been involved in the economic sector, particularly in helping their husbands to fulfil household budgets. In accordance with the climatic conditions and geographical area, agriculture was the main economic sector in the Malay Archipelago. This factor has stimulated women to actively participate in this sector. As a result, from this scenario, there is a popular dictum among them "segendong sepikol" or "harta sepencarian", which demonstrates the distribution of property between husband and wife. This is due to the existence of jointly acquired property between the two parties. This distribution of property is parallel with the contribution of women, either directly or indirectly, in supporting the household finance. It allows them to get their right, either 1/2 or 1/3, etc., in the division of property. Lately, couples tend to choose sulh (conciliation) as a solution. Remarkably, this practice is only available in the Malay Archipelago, particularly among the Malay-Muslim community in Malaysia. Hence, this socio-legal article attempts to discuss the element of contribution of women in Malaysia to the household finance in which, eventually, they get provisions of the rights of jointly-acquired property claims in Malaysia.*

**Keywords:** gender; women; Malay; socio-legal; sulh; jointly-acquired property

## ABSTRAK

*Kaum wanita merupakan pelengkap kepada lelaki. Hubungan berbentuk damai ini, pada tingkatan positifnya telah menghasilkan satu ketetapan hukum "mesra gender" khususnya di Alam Melayu. Pada dasarnya, kaum wanita di Nusantara mengalami proses pembinaan sosio-budaya yang berbeza*

*berbanding kaum wanita di kawasan lain. Di samping tugas hakiki mereka di ruang domestik, kaum wanita Melayu Islam turut terlibat dalam sektor perekonomian terutamanya dalam membantu suami memenuhi keperluan rumahtangga. Penyertaan ini selaras dengan kondisi iklim dan kawasan geografi Nusantara yang subur, aktiviti pertanian merupakan sektor ekonomi utama. Kesan daripada senario ini, wujud pepatah yang popular iaitu segendong sepikol. Ia merujuk kepada bentuk pembahagian harta antara suami isteri atau dikenali juga sebagai Harta Sepencarian. Pembahagian ini selari dengan sumbangan wanita sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam membantu bebanan kewangan rumahtangga. Dengan itu, mereka mendapat bahagian hak kehartaan yang wajar sama ada 1/2, 1/3 dan seumpamanya sesuai dengan takat sumbangan. Walau bagaimanapun, akhirnya ini pihak yang bertikai cenderung memilih sulh sebagai jalan penyelesaian. Istimewanya, amalan ini hanya terdapat di kepulauan Melayu, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Oleh itu, artikel sosio-perundangan ini berusaha untuk meneliti elemen sumbangan wanita Melayu-Islam di Malaysia dalam kewangan rumahtangga yang mana akhirnya, mereka mendapat peruntukan hak tuntutan harta sepencarian di Malaysia.*

**Kata kunci:** gender; wanita; Melayu; Sosio-perundangan; sulh; harta sepencarian

## 1. PENGENALAN

Wanita merupakan salah satu subjek yang mendapat perhatian serius dalam Islam. Pada waktu al-Qur'an dan al-Sunnah diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW, kaum wanita di seluruh dunia, sama ada di bahagian timur mahupun barat begitu sekali terabai, sehingga boleh dikatakan mereka dianggap sebagai barang dagangan atau alat pemuasan nafsu semata-mata. Islam telah mengangkat martabat mereka ke tahap yang lebih baik. Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah dihayati bersama dengan ciri kehidupan sosial Melayu pada masa itu. Ekonomi masyarakat Melayu yang berorientasikan sektor pertanian telah melibatkan penyertaan kaum wanita walaupun pada dasarnya, hukum Syarak mewajibkan tanggungjawab nafkah hanya tertakluk ke atas suami. Oleh itu, adalah wajar peranan dan sumbangan kaum wanita dalam aspek kehartaan dan perbelanjaan rumahtangga diambilkira. Justeru, tulisan ini menelusuri sumbangan kaum wanita dalam rumahtangga sama ada secara langsung mahupun tidak langsung di samping implikasinya dalam penentuan takat dan hak mereka dalam harta sepencarian.

## 2. KEDUDUKAN KAUM WANITA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Masyarakat Melayu pada amnya adalah komuniti yang mesra wanita. Sikap positif ini dapat diteliti dalam pelbagai pendekatan yang mengambilkira kepentingan kaum wanita. Ia dapat dilihat dalam amalan Harta Sepencarian, pemberian hantaran ketika pertunangan serta perkahwinan dan sebagainya. Fenomena ini berbeza dengan masyarakat Arab Jahiliah yang memandang kaum wanita dengan pandangan inferior dan kaum wanita dianggap sebagai golongan kelas kedua dalam hierarki keluarga. Akibatnya, kaum wanita dipinggirkan dalam struktur kekerabatan dan kekuasaan. Dalam struktur kekerabatan, masyarakat Melayu

cenderung kepada persanakan dwisisi atau bilateral dan matrilineal bagi masyarakat Adat Perpatih.

Menurut Wazir Jahan Karim (1995), bentuk penting sistem masyarakat Asia Tenggara adalah bilateral yang mana kedudukan dan peranan kaum wanita sama dengan kaum lelaki. Ini merupakan dinamisme adat Melayu ketika berinteraksi dengan syariah Islam. Kaum wanita terdedah kepada adat Melayu yang mengiktiraf kedudukan wanita sedangkan kaum lelaki dengan syariah Islam yang dibawa oleh kelompok patriaki walaupun Islam pada asasnya memperakui hak-hak wanita. Proses sintesis antara pengamalan adat dan syariah menghasilkan anjakan pada pembinaan gender (*shifting construction of gender*) di mana lahir masyarakat bilateral. Masyarakat Arab pula berasaskan sistem patriaki (al-Hibri, 1982). Sistem ini merujuk kepada dominasi kaum lelaki dalam keluarga yang menuntut hierarki ataupun hubungan kuasa yang mana kepentingan kaum wanita subordinat kepada kepentingan kaum lelaki (Weedon, 1987). Situasi ini berbeza dalam masyarakat Melayu.

Kaum wanita Melayu secara tradisionalnya terlibat dalam pekerjaan bersama kaum lelaki dalam bidang pertanian dan di pasar-pasar semenjak sebelum kedatangan penjajah (Reid, 1988) sehinggalah selepas kedatangan penjajah (Kassim Ahmad, 1981). Selain itu, kaum wanita juga bersama membantu suami dalam aktiviti pertanian khususnya bersawah (Stivens, 1996). Kaum wanita juga terlibat dalam aktiviti menoreh getah dan penternakan ayam (Swift, 1965). Pendek kata, kebanyakan kaum wanita di Malaysia mempunyai peranan berganda iaitu dalam urusan rumahtangga dan sektor ekonomi untuk menjana pendapatan keluarga.

Di Malaysia, kaum wanita memainkan peranan berganda sama ada dalam sektor domestik (rumah tangga) atau bukan domestik (luar rumah tangga). Mereka merupakan golongan yang bekerjaya untuk meringankan bebanan rumahtangga. Sang isteri perlu turun ke medan kerja untuk membantu para suami. Menurut Firth (1966) wanita Melayu beragama Islam tidak dihalang daripada memainkan peranan yang amat penting dalam sektor ekonomi.

Walaupun begitu, corak dan penglibatan kaum wanita telah berubah dengan jelas selepas era kemerdekaan. Pada awalnya, majoriti wanita tertumpu kepada sektor pertanian. Malah ketika itu, jumlah wanita yang menjadi suri rumah tangga sepenuh masa juga tinggi ekoran pertambahan saiz keluarga dan kurang pengetahuan untuk terlibat dalam pekerjaan luar sektor pertanian (Nor Aini Haji Idris, 2008). Namun kini, jumlah penglibatan wanita dalam sektor ekonomi semasa meningkat semakin tinggi ekoran ruang dan peluang pendidikan yang lebih baik. Perubahan ini turut memberi implikasi hukum yang mana mereka tidak hanya tertumpu kepada dunia rumah tangga sepenuhnya, sebaliknya penyertaan mereka dalam sektor ekonomi lebih terbuka.

Kaum wanita Melayu di Malaysia memainkan peranan yang cukup besar dalam perkembangan ekonomi rumah tangga. Peranan mereka tidak hanya terhad kepada tugas sebagai suri rumah tangga, bahkan menjangkau kepada tugas-tugas lain di lapangan masyarakat. Keadaan ini bukan merupakan satu budaya baharu, bahkan telah diwarisi sejak dahulu lagi. Penyertaan mereka yang begitu aktif mungkin disebabkan hak mereka untuk memiliki hartanah mengikut adat Melayu sejak dahulu lagi (Jamilah Ariffin, 2003). Keadaan ini adalah berbeza dengan konsep *common law* Inggeris yang mana seorang wanita bersuami adalah tidak berhak terhadap pemilikan apa-apa harta perkahwinan, malahan wanita itu sendiri termasuk dalam sebahagian harta suami (Shamsuddin Suhor, 2007). Penyertaan kaum

wanita Melayu Nusantara khususnya Malaysia telah melayakkan mereka untuk mendapat hak ke atas harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan.

### 3. ELEMEN SUMBANGAN DALAM PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN

Apabila membincangkan pembahagian harta sepencarian, maka ianya sangat berkait dengan elemen sumbangan yang wujud dalam mendapatkan sesuatu harta tersebut. Kamus Dewan 2005 mentakrifkan 'sumbangan' sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan. Mahkamah perlu mempertimbangkan elemen sumbangan yang wujud daripada pihak-pihak sebelum sesuatu perintah pembahagian harta tersebut dibuat. Tegasnya, unsur sumbangan merupakan alasan penting bagi Mahkamah untuk mensabitkan hak harta sepencarian semasa dalam tempoh perkahwinan tersebut (Suwaid Tapah, 1996). Menurut Siti Zalikah (1996), sumbangan tersebut boleh berlaku dalam tiga bentuk:

- i. Pengumpulan harta atau modal.
- ii. Usaha ke arah menambah harta yang sedia ada.
- iii. Sumbangan lain seperti pandangan, nasihat dan dorongan.

Dalam kes Zarah Iwn Idris (1984), Mahkamah mendapati tuntutan harta sepencarian Plaintiff iaitu setengah nilai harga rumah di No. 18, Jalan J (1) Bandar Baru Tampoi, Johor Bharu adalah tidak sabit dan memerintahkan Plaintiff mengosongkan rumah tersebut atau bersedia menghadapi tindakan undang-undang. Ini kerana Mahkamah tidak mendapati wujudnya sebarang usaha pihak Plaintiff dalam mendapatkan rumah tersebut, meskipun rumah tersebut diperolehi semasa tempoh perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Dalam kes ini mahkamah mengambil kira sumbangan penuh defendan dalam memperolehi harta tersebut melalui cabutan undi bagi mendapatkan rumah murah. Defendan telah menggunakan sebahagian wang simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai wang pendahuluan untuk mendapatkan rumah tersebut seterusnya membayar RM 99 sebagai bayaran bulanan. Dalam kes ini, Plaintiff telah menetap di rumah ini meskipun telah berlaku perceraian dan plaintiff juga telah membayar RM99 selama setahun lebih tanpa kebenaran daripada defendan. Defendan menganggap bayaran tersebut hanyalah bayaran sewa terhadap rumah tersebut. Kes ini merupakan satu contoh kes yang memperlihatkan elemen sumbangan merupakan sesuatu yang sangat penting dalam penentuan hak sesuatu harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan.

### 4. JENIS SUMBANGAN

Terdapat dua jenis sumbangan dalam harta sepencarian iaitu sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung. Sumbangan langsung juga dikenali sebagai sumbangan bersama di mana kedua-dua pihak mempunyai sumbangan masing-masing dalam memperolehi sesuatu harta. Dengan kata lain, sumbangan langsung wujud apabila suami dan isteri sama-sama bekerja atau berusaha bagi mendapatkan pemilikan sesuatu harta atau aset seperti pembelian sebidang tanah. Ini bermakna kedua-dua pihak menyumbang modal dan usaha ke arah memperolehi harta tersebut (Muhammad Asri Abdullah, 2001).

Sumbangan langsung pula biasanya berdasarkan kepada dua jenis sumbangan iaitu sumbangan kewangan dan sumbangan tenaga dalam mendapatkan sesuatu aset semasa

tempoh perkahwinan sesebuah pasangan tersebut berlangsung. Sumbangan kewangan merupakan sumbangan berbentuk modal atau duit yang diberikan oleh satu-satu pihak kepada pihak yang satu lagi dalam mendapatkan harta (Suwaid Tapah, 1996).

Terdapat beberapa contoh kes yang menunjukkan bahawa Mahkamah mengambil kira sumbangan kewangan yang diberikan oleh pihak-pihak dalam mendapatkan sesuatu aset. Contoh kes yang popular ialah kes Roberts lwn Umi Kalsum (1981). Dalam kes ini, kedua-dua suami dan isteri bekerja dan mereka berkongsi membeli sebuah rumah di Kuala Lumpur dengan harga RM 50000. Suami telah mengeluarkan modal sebanyak RM 40000 dan isteri mengeluarkan modal sebanyak RM 10000. Memandangkan suami pada masa itu merupakan pegawai kerajaan, maka rumah tersebut telah didaftarkan di atas nama isteri. Apabila berlaku perceraian, suami telah mencadangkan supaya harta-harta yang diperolehi tersebut dibahagi dua tetapi telah dibantah oleh isteri. Suami kemudiannya telah memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi Sivil bagi menuntut harta tersebut. Yang Arif Raja Azlan Syah yang merupakan hakim pada waktu itu telah memutuskan bahawa harta tersebut merupakan harta sepencarian dan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak harta itu telah dibahagi sama rata antara mereka (Ahmad Ibrahim, 1999). Meskipun di dalam kes ini, pihak-pihak telah bersetuju untuk membahagikan harta tersebut kepada dua, tetapi ianya jelas menunjukkan bahawa sumbangan langsung khususnya dalam bentuk kewangan merupakan faktor penting pembahagian sama banyak harta di dalam kes ini.

Selain daripada itu sumbangan dalam bentuk tenaga juga merupakan sebahagian daripada sumbangan langsung dalam tuntutan harta sepencarian. Ini kerana istilah sama-sama “sepencari” itu timbul apabila suami dan isteri sama-sama membanting tulang, meneroka tanah untuk mendapatkan sesuatu harta (Suwaid Tapah, 1996). Sebenarnya, konsep “sama-sama sepencari” merupakan satu kelaziman masyarakat Melayu dan peribumi di Nusantara. Oleh kerana itulah amalan pembahagiannya bukanlah menjadi sesuatu yang asing bagi masyarakat yang mendiami pulau ini (Suwaid Tapah, 1996). Ini kerana kaum perempuannya sering kali terlibat dalam membantu suami untuk mencari rezeki untuk keluarga sama ada dalam aspek pertanian, perniagaan dan sebagainya. Ini dapat dilihat umpamanya dalam kes Mansjur bin Abdul Rahman lwn. Kamariah bte Noordin (1988) di mana telah diputuskan bahawa pihak isteri berhak mendapat harta sepencarian ke atas tanah yang diperolehi dalam masa perkahwinan dan menolong mengusahakan tanah itu bersama-sama. Kes ini telah menunjukkan pengiktirafan terhadap sumbangan tenaga yang diberikan oleh isteri dalam memperolehi harta dalam sesebuah perkahwinan.

Dalam aspek sumbangan tidak langsung, khususnya bagi isteri yang tidak bekerja, terdapat beberapa kadar pembahagian seperti  $1/2$ ,  $1/3$ ,  $1/4$ , dan  $2/3$ , bergantung kepada takat sumbangan tidak langsung yang diberikan. Biasanya wanita tetap memainkan peranan yang penting kepada sesebuah institusi kekeluargaan. Ini kerana mereka berperanan dalam mendidik serta menjaga keharmonian sesebuah rumahtangga. Pada awalnya, isteri hanya menumpukan kepada tugas rumah tangga seperti mendidik anak-anak, menjaga rumah, mengurus rumah tangga dan sebagainya. Hal ini menyebabkan wanita tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan wang atau harta bagi membeli aset-aset semasa tempoh perkahwinan mereka berlangsung.

Sungguhpun begitu, undang-undang tetap mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh wanita ini, seterusnya turut memberikan hak kepada kaum wanita dalam memperolehi hak dalam



harta sepencarian. Sebagai contoh, sepasang suami isteri yang berasal dari golongan yang kurang berada telah diberikan lesen perniagaan. Isteri tidak bekerja tetapi isteri tersebut merupakan isteri yang taat dan menjalankan urusan rumah tangga dengan baik. Berkat dorongan isteri dan keharmonian rumah tangganya, suami telah berjaya menjalankan perniagaan dan menjadi ahli korporat yang berjaya. Kejayaan suami ini secara tidak langsung merupakan sumbangan isterinya kerana isteri tersebut telah memberi kebahagiaan dan perangsang kepada suami dalam mencapai kejayaan tersebut (Muhammad Asri Abdullah, 2001). Beberapa sumbangan tidak langsung para wanita yang tidak bekerja juga dapat difahami daripada beberapa keputusan mahkamah dalam kes-kes yang pernah diputuskan. Di antara kes awal yang pernah diputuskan adalah kes Boto' lwn Jaafar (1984).

Secara ringkasnya dalam kes ini, isteri merupakan seorang pembantu di sebuah kedai kopi sebelum daripada perkahwinan tersebut berlangsung manakala suami bekerja sebagai penjual ikan. Setelah berkahwin, isteri telah berhenti bekerja dan menumpukan perhatian kepada rumah tangga serta membantu suami menjalankan perniagaannya. Perniagaan suami telah berkembang dan suami berjaya mendapatkan beberapa aset seperti rumah tempat mereka tinggal, sekeping tanah, empat buah kapal untuk menangkap ikan serta gerai jual ikan di pasar. Perkahwinan tersebut telah berakhir dengan perceraian pada tahun 1974. Setelah perceraian tersebut, isteri telah memohon untuk mendapatkan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Sivil.

Hakim Salleh Abas dalam kes ini telah memutuskan bahawa usaha isteri menemankan suami dalam menjalankan perniagaan serta telah meninggalkan pekerjaan asalnya selepas berkahwin boleh dikira sebagai bantuan bersama dalam mendapatkan harta tersebut. Dalam kes ini, sungguhpun isteri tidak mengambil bahagian secara langsung dalam perniagaan ikan suaminya, tetapi usaha isteri menemani suami menyebabkan ketenangan fikiran suami yang membolehkannya menguruskan perniagaannya dengan tenang dan berkesan. Dalam kes ini hakim telah memutuskan harta-harta yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan mereka adalah harta sepencarian dan dibahagikan sebanyak satu pertiga kepada isteri dan dua pertiga kepada suami.

Selain daripada itu, sumbangan tidak langsung juga terhasil daripada pengaruh isteri yang mampu membantu suami mencapai kejayaan dalam perniagaan atau pekerjaan yang membolehkan suami mendapatkan aset-aset sepanjang perkahwinan. Sebagai contoh, seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang wanita dari keturunan yang berpengaruh dan hartawan. Kesan daripada pengaruh keluarga isteri, si suami telah mendapat gelaran tertentu dalam masyarakat dan telah maju dalam perniagaannya. Maka hasil daripada kejayaan tersebut, si suami telah berjaya mengumpulkan banyak harta dalam masa perkahwinan mereka itu. Pengumpulan harta tersebut juga merupakan hasil sumbangan tidak langsung isterinya.

Perkara ini seterusnya dibuktikan dalam kes Tengku Anum Zaharah lwn Dato' Dr Hussein (1980). Dalam kes ini, plaintif telah membuat tuntutan harta sepencarian iaitu memohon kepada Mahkamah supaya memerintahkan defendan menukar hak milik tanah QT. (M) 81 Lot 6392 Mukim Kapar Kelang seluas tiga ekar kepada Plaintif. Pihak Plaintif dalam kes ini telah dibuktikan tidak memberi apa-apa sumbangan modal untuk mendapatkan harta tersebut, bahkan pihak defendan telah menyumbangkan modal kepada plaintif untuk membuka kedai dan salun rambut. Walau bagaimanapun, Kadi Besar telah berpendapat bahawa isteri telah memberikan sumbangan tidak langsung dengan memberi sokongan kepada perniagaan

defendan serta menyebabkan defendan mendapat gelaran Dato'. Gelaran yang diperolehi hasil dengan perkahwinan dengan keluarga Diraja ini telah menyebabkan defendan mendapat kepercayaan orang ramai seterusnya berjaya mengembangkan perniagaannya. Oleh yang demikian, pihak suami atau defendan tidak boleh menafikan sumbangan isteri dalam memperolehi harta tersebut. Maka atas pertimbangan Mahkamah, isteri patut diberi hak dalam harta sepencarian sebagai jaminan hidup di masa akan datang.

Kes ini telah menunjukkan pengiktirafan mahkamah terhadap sumbangan isteri yang tidak bekerja dalam pemerolehan aset perkahwinan. Ini bermakna, seseorang isteri yang menjalankan suri rumah sepenuh masa tidak boleh dianggap tidak memberi apa-apa sumbangan kepada pemerolehan harta dalam perkahwinan. Bahkan di dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri juga turut menekankan kepentingan peranan dan sumbangan isteri yang tidak bekerja ini untuk dinilai dan diperhatikan oleh Mahkamah sebelum apa-apa perintah pembahagian dikeluarkan (seksyen 58, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984).

Sebagai rumusannya, bentuk sumbangan langsung atau tidak langsung ini boleh dibahagikan kepada sumbangan dalam bentuk wang meliputi pendapatan, gaji, elaun, bonus dan simpanan pihak-pihak yang digunakan bagi mendapatkan sesuatu aset. Sumbangan dalam bentuk bukan wang pula meliputi kerja-kerja membaiki, mengubah suai, menjaga harta, menjalankan tugas sebagai isteri atau suami dengan baik bagi menjaga keharmonian rumah tangga serta menaikkan nilai sesuatu harta yang diperolehi dalam sesebuah perkahwinan. Semua sumbangan ini akan menjadikan setiap pihak berhak ke atas harta atau aset yang diperolehi sepanjang tempoh perkahwinan tersebut berlangsung.

Secara ringkasnya pembahagian elemen sumbangan ini dapat diperhatikan seperti berikut:

Jadual 1: Elemen Sumbangan

JENIS SUMBANGAN	PERKARA
Sumbangan Langsung	1) Sumbangan dalam bentuk modal (perkongsi modal) dan bantuan kewangan untuk mendapatkan sesuatu harta. Contohnya isteri memberi sejumlah wang kepada suami untuk membeli rumah, tanah, saham dan sebagainya.
	2) Sumbangan dalam bentuk tenaga. Isteri turut sama membantu suami mengusahakan tanah atau perniagaan suami.
Sumbangan Tidak Langsung	1) Isteri tidak bekerja tetapi merupakan isteri yang taat serta menjalankan urusan rumah tangga dengan baik sehingga suami dapat menjalankan pekerjaan dengan tenang dan berjaya.
	2) Isteri merupakan seorang yang berasal daripada keluarga yang berpengaruh, yang menjadi pemangkin kepada penganugerahan apa-apa gelaran, projek perniagaan dan sebagainya kepada suami sehingga suami berjaya dalam perniagaan seterusnya berjaya mengumpulkan aset-aset semasa perkahwinan.

## 5. PERUNTUKAN BERKAITAN ELEMEN SUMBANGAN DALAM HARTA SEPENCARIAN

Harta sepencarian telah diterima di dalam sistem perundangan di Malaysia sejak sebelum merdeka lagi sama ada di Mahkamah Sivil, Mahkamah Adat (Lee Hun Hoe, 1973) mahupun Mahkamah Syariah (Suwaid Tapah, 1996). Undang-undang keluarga di Malaysia telah mengiktiraf harta sepencarian sebagai perkara undang-undang Islam. Bahkan harta sepencarian yang pada awalnya dibicarakan di Mahkamah Tinggi Sivil telah menjadi hak eksklusif Mahkamah Syariah di Malaysia selepas pindaan kepada perkara 121 1(A), Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, harta sepencarian juga telah diberi peruntukan yang khusus mengenainya di dalam enakmen negeri-negeri seluruh Malaysia. Sebelum undang-undang yang ada sekarang digubal, para kadi atau hakim Mahkamah Syariah pada waktu itu menghadapi kesukaran mencari asas untuk tuntutan harta sepencarian di bawah undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1999). Dalam banyak kes Harta Sepencarian, mereka menganggap perkara itu sebagai pertikaian di antara pihak-pihak mengenai harta, dan mereka cuba mencari penyelesaian melalui persetujuan antara pihak-pihak atau melalui pembahagian yang saksama antara mereka.

Hampir semua negeri juga mempunyai peruntukan yang sama antara satu sama lain. Ini menunjukkan telah berlaku penyelarasan undang-undang berkaitan dengan Harta Sepencarian di dalam enakmen negeri-negeri di Malaysia, malahan kebanyakan negeri memperuntukkan Harta Sepencarian melalui seksyen yang sama. Bahkan undang-undang telah menegaskan bahawa para hakim perlu memberi perhatian yang teliti dan cermat terhadap elemen sumbangan yang wujud dalam pemilikan harta perkahwinan tersebut. Undang-undang sebenarnya telah mengiktiraf semua jenis sumbangan yang wujud dalam harta sepencarian yang meliputi sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung.

Di Negeri Johor, Seksyen 122, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003 telah memperuntukkan bahawa:

Fasal 122 - Kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian

- 1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila berlaku sesuatu perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang –
  - a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;
  - b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;



- c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.
- 3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila berlaku sesuatu perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada –
  - a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga.
  - b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.
- 5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor ini menyamai dengan peruntukan di negeri-negeri lain seperti Kelantan (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, 2002), Melaka (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka, 2002), Negeri Sembilan (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003), Pahang (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang, 2005), Pulau Pinang (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang, 2004), Perak (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perak, 2004), Sabah (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah, 2004) dan Selangor (Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003). Kesemua negeri tersebut mempunyai seksyen yang sama di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing. Di negeri-negeri yang lain pula, peruntukan mengenai Harta Sepencarian tetap dimasukkan di dalam enakmen keluarga Islam masing-masing. Meskipun diperuntukkan di dalam seksyen yang berbeza, ianya tetap memperihalkan tentang kuasa Mahkamah dalam memerintahkan pembahagian harta sepencarian. Contohnya ialah seksyen 58, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan mengenai harta sepencarian sebagaimana berikut:

- 1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagikan antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada-
  - a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset itu;
  - b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
  - c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.
- 3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-
  - a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
  - b) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.
- 5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Peruntukan ini menyamai peruntukan harta sepencarian dalam seksyen 57 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985, Sarawak (Seksyen 58 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sarawak, 2001) dan Perlis (Seksyen 58 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis, 1992, pindaan 2007). Meskipun diperuntukkan dalam seksyen yang berbeza, semua enakmen negeri memperihalkan tentang kuasa mahkamah dalam membahagikan harta sepencarian. Enakmen negeri-negeri dalam

memperuntukkan pembahagian harta sepencarian ini juga telah menyentuh kepada dua perkara berkaitan harta sepencarian iaitu harta yang telah diperolehi dalam tempoh perkahwinan sesuatu pasangan, serta harta yang diperolehi sebelum daripada perkahwinan tetapi dimajukan serta dikembangkan di sepanjang perkahwinan tersebut berlangsung. Selain itu, Mahkamah juga perlu melihat kepada takat-takat sumbangan yang disumbangkan oleh pihak-pihak sebelum sesuatu perintah itu dikeluarkan.

Peruntukan undang-undang ini telah menunjukkan pengiktirafan undang-undang Islam di Malaysia dalam perkara yang berkaitan dengan harta perkahwinan orang-orang Islam ini. Undang-undang secara jelas turut menjamin hak isteri yang tidak menyumbang secara langsung dalam pemilikan harta dalam perkahwinan tersebut. Sumbangan dari aspek ketenangan, ketenteraman jiwa serta sanggup untuk bersusah payah dalam kehidupan berkeluarga ternyata diberi perhatian dan tempat yang sewajarnya oleh undang-undang. Ini menunjukkan bahawa hak pihak-pihak dalam pemilikan harta perkahwinan adalah terjamin, sekalipun hanya terdapat satu pihak yang menyumbang ke arah pemilikan harta tersebut. Konsep ini bertepatan dengan konsep keadilan Islam yang tetap menjamin hak setiap individu yang menyumbang ke arah kerukunan rumah tangga serta mewujudkan kehidupan yang seimbang khususnya dalam rumah tangga (Nik Azam Masri Nik Mahmood, 2004).

## 6. PERKEMBANGAN MUTAKHIR PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN

Undang-undang harta sepencarian telah mengalami transformasi yang cukup baik dalam sistem perundangan negara. Bermula dengan ketiadaan bidang kuasa khusus di Mahkamah Syariah serta perbicaraan yang boleh dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Sivil sehinggalah kepada kewujudan undang-undang harta sepencarian di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia pada hari ini.

Perkembangan mutakhir harta sepencarian pula adalah pindaan baru Akta A1261 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan 2006). Dalam pindaan ini, pemakaian konsep pembahagian harta sepencarian telah terbuka dengan lebih luas bukan sekadar diperolehi ketika berlaku perceraian suami isteri, malahan boleh didengar dan diputuskan oleh mahkamah ketika permohonan poligami suami. Ini bermakna Mahkamah, selain daripada kuasa memerintahkan apa-apa pembahagian harta perkahwinan sesuatu pasangan apabila membenarkan perceraian pasangan tersebut, Mahkamah turut mempunyai kuasa untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian apabila mahkamah membenarkan permohonan poligami pihak suami (seksyen 23, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (pindaan) 2006).

Dengan kata lain, apabila berlakunya pindaan ini maka harta sepencarian boleh dibahagikan dalam tiga keadaan:

- i) Apabila berlakunya perceraian terhadap pasangan yang berkahwin;
- ii) Apabila berlakunya kematian salah satu pihak, sama ada pihak suami atau pihak isteri;
- iii) Apabila Mahkamah membenarkan permohonan poligami pihak suami (seksyen 23, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (pindaan) 2006).

Peruntukan ini dilihat lebih membela para wanita khususnya isteri pertama dalam menjaga hak-haknya terhadap harta sepanjang perkahwinan mereka, tanpa boleh diganggu oleh isteri baru suaminya. Ini kerana harta perkahwinan tersebut diperolehi semasa tempoh perkahwinan mereka dan juga melibatkan persoalan sumbangan isteri dalam harta tersebut. Sebagai contoh isteri pertama yang telah lama berkahwin dengan suami mungkin telah menyumbang sejumlah modal kepada suaminya dalam tempoh perkahwinan yang lebih lama daripada isteri yang kedua. Tambahan pula jika isteri tersebut tidak menyumbang modal, tetapi menyumbang tenaga dan masa untuk kesejahteraan keluarga, maka masa atau tempoh sumbangan tersebut tentunya lebih lama berbanding dengan isteri yang akan dikahwini oleh suami tersebut.

Jika peruntukan ini tidak diadakan, berkemungkinan isteri kedua pihak suami akan mengemukakan tuntutan harta sepencarian dan institusi keadilan syariah akan menghadapi masalah dalam menentukan hak pemilikan harta perkahwinan tersebut khususnya dari aspek masa atau tempoh perkahwinan yang memungkinkan si suami mendapatkan harta tersebut sama ada bermula semasa perkahwinan dengan isteri pertama atau isteri kedua. Sebagai contoh kes Azizah Yazan lwn Norazizi Kassim (No kes 05100-017-0198-2007) di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan yang mana defendan telah membuat permohonan untuk berpoligami. Plaintiff telah memfailkan tuntutan harta sepencarian iaitu sebuah rumah di alamat no. 44, Jalan TTJS 3/5, Taman Tuanku Jaafar, Sungai Gadut, Negeri Sembilan yang dibeli oleh Plaintiff dan Defendan semasa usia perkahwinan mereka berlangsung. Walaupun kes ini diselesaikan melalui sulh, di mana Defendan bersetuju menyerahkan rumah tersebut kepada Plaintiff kerana Defendan bersetuju bahawa rumah tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan mereka serta menganggap harta tersebut sebagai harta sepencarian.

Selain daripada itu trend penyelesaian kes harta sepencarian juga turut menampakkan beberapa cara yang boleh diperhatikan. Penyelesaian ini adalah bergantung kepada keinginan pihak-pihak serta budi bicara hakim yang menghakimi sesuatu kes tersebut di samping memilih pendekatan secara sulh.

## **7. PENYELESAIAN MELALUI PERBICARAAN**

Penyelesaian melalui proses perbicaraan di mahkamah ini menunjukkan pembahagian yang kebanyakannya berkisar kepada pembahagian 1/2 atau 1/3 daripada jumlah nilai harta bergantung kepada tahap sumbangan pihak-pihak yang terlibat dalam mendapatkan harta tersebut. Kebanyakan kes yang melibatkan sumbangan langsung, Mahkamah biasanya akan memutuskan pembahagian separuh daripada nilai harta berpadanan dengan usaha atau sumbangan modal yang diberikan oleh pihak-pihak.

### **7.1 Pembahagian Separuh (1/2)**

Kebiasaannya pembahagian harta 50:50 ini banyak melibatkan hartanah Felda yang melibatkan peneroka. Dalam kes Sabariah binti Md Tan lwn Busu bin Md Tan (2009), Mahkamah telah memutuskan pihak Plaintiff berhak terhadap 1/2 daripada harta-harta:

- a- Sebuah tapak rumah yang beralamat di Lot No. 6132, No. 78, Blok 4, FELDA Jelai 3, Gemas, Negeri Sembilan;
- b- Dua bidang tanah pertanian di Lot 11124 dan Lot 1125, Mukim Gemas, Negeri Sembilan;

- c- Hasil yang diperolehi daripada harta-harta tanah tersebut; serta
- d- Wang sara hidup bulanan Felda yang diperolehi Defendan.

Penghakiman ini melihat kepada sumbangan yang telah dilakukan oleh Plaintiff dalam mendapatkan harta-harta tersebut, lebih-lebih lagi kemasukan ke Felda itu sendiri adalah disyaratkan berkeluarga. Fakta kes ini juga disokong dengan keterangan Plaintiff dan Defendan yang menyatakan bahawa mereka memasuki Felda ini setelah hampir sembilan bulan berkahwin.

### ***7.2 Pembahagian Satu Pertiga (1/3)***

Pembahagian pada kadar 1/3 pula merupakan pembahagian yang diguna pakai dalam sebahagian kes yang melibatkan sumbangan tidak langsung pihak-pihak dalam mendapatkan harta tersebut. Banyak kes yang dibicarakan yang menunjukkan pembahagian pada kadar 1/3 terhadap nilai harta yang diperolehi dalam perkahwinan. Dalam kes Norhayati Yusoff lwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani (2008), perayu telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan kerana tidak berpuas hati dengan perintah pembahagian 1/4 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu terhadap sebuah rumah teres dua tingkat di No. 35 Jalan Wangsa Maju 6, Wangsa Melati, Kuala Lumpur. Perayu yang merupakan suri rumah telah mendakwa menyumbang secara tidak langsung terhadap pembelian dan penjagaan rumah tersebut yang dijadikan rumah kelamin mereka. Mahkamah Rayuan Syariah sebulat suara membenarkan permohonan perayu dan memerintahkan pembahagian 1/3 daripada nilai rumah tersebut. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada sumbangan tidak langsung yang diberikan oleh perayu dalam menjaga dan menguruskan rumah tersebut yang memberikan ketenangan kepada responden yang bekerja sebagai jurutera.

### ***7.3 Pembahagian Dua Pertiga (2/3)***

Terdapat juga kes yang melibatkan pembahagian 2/3 kepada isteri terhadap sesuatu harta. Dalam kes Noraishah binti Ahmad lwn Omar bin Jusoh & 6 yang lain (2008), Plaintiff telah memohon kepada Mahkamah agar 70% dari harta atau nilai harta yang disenaraikan dalam aset si mati dikurniakan kepada beliau sebagai harta sepencarian dan 30% difaraidkan kepada waris-waris yang berhak. Plaintiff telah berhujah bahawa plaintiff sedang menguruskan aset dan menanggung liabiliti harta pusaka dan hutang-hutang si mati. Mahkamah setelah mendengar hujah dan persetujuan defendan-defendan, telah membenarkan permohonan Plaintiff dengan memerintahkan 70% daripada harta-harta si mati diberikan kepada Plaintiff dan 30% diserahkan kepada waris-waris si mati untuk difaraidkan.

## **8. PENYELESAIAN SECARA SULH**

Sulh merupakan antara alternatif penyelesaian kes harta sepencarian mutakhir ini. Hasil kajian penulis di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan daripada 100 fail yang dikaji bermula tahun 2005-2010, 95% kes diselesaikan melalui proses perjanjian persetujuan (sulh). Proses sulh yang berlangsung didasarkan beberapa faktor, di antaranya:

- i) Masih lagi wujud perasaan kasih dan sayang suami kepada isteri apabila membenarkan isteri menetap di rumah yang masih dibayar oleh pihak suami



selagimana isteri tersebut tidak berkahwin lain. Contohnya dalam kes Zaiton Aziz lwn Mohd Sidek Mohd Sarjan (No kes 05100-017-0122-2007). Plaintiff dan Defendan berkahwin pada 20/10/1983 dan bercerai pada 07/03/2005. Hasil perkahwinan Plaintiff dan Defendan, mereka telah dikurniakan tujuh orang anak serta memiliki sebuah rumah kos sederhana atas nama Defendan di alamat Lot 13245, Mukim Rantau, Jalan SJ 3/2C, Taman Seremban Jaya, Negeri Sembilan. Kes ini telah diselesaikan melalui sulh di mana Defendan telah bersetuju supaya Plaintiff dibenarkan tinggal di rumah tersebut sehingga ke akhir hayat dengan syarat Plaintiff tidak berkahwin lain. Sekiranya rumah tersebut dijual, maka pembahagian adalah berdasarkan kepada 60% menjadi milik Defendan dan 40% menjadi milik Plaintiff.

- ii) Terdapat juga perjanjian persetujuan yang dicapai melalui penyerahan pemilikan sesuatu harta kepada nama anak-anak. Ini bermakna harta yang ada ditukar nama kepada nama anak-anak. Contohnya seperti Siti Suzana Zakaria lwn Rusdi Salleh (No kes 05100-017-0021-2007) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban. Dalam kes ini Defendan bersetuju menyerahkan  $\frac{1}{2}$  haknya ke atas sebuah rumah di No. 254, Lorong Desa Ixora 1/20, Taman Desa Ixora, Senawang, kepada anak-anak. Defendan juga bersetuju untuk melantik Plaintiff sebagai pemegang amanah terhadap hartanah tersebut sehingga anak-anak mereka dewasa.
- iii) Seterusnya penyelesaian sulh melalui situasi “menang-menang”. Situasi ini mungkin melibatkan pembayaran sejumlah wang bagi penyelesaian sesuatu pertikaian harta sepencarian. Penyelesaian seumpama ini dapat dilihat dalam kes Poziah binti Mamat lwn Johari bin Abdullah (No kes 05100-017-0076-2007) yang mana persetujuan dicapai dengan Defendan membayar RM6000 kepada Plaintiff sebagai penyelesaian harta sepencarian yang melibatkan sebuah rumah di No.1082, Jalan Gunung Dato’ 14, Taman Anggerik MAS, Seremban, Negeri Sembilan.
- iv) Nilai harta yang sedikit juga mempengaruhi kes harta sepencarian ini diselesaikan melalui sulh. Dalam kes Nani Ilyana bt Md. Azizul Khan lwn Shamsul Baharin Mahmud (No kes 05100-017-0214-2007), Defendan bersetuju menyerahkan semua harta yang dituntut Plaintiff iaitu perabot rumah yang melibatkan televisyen, almari, meja makan dan permaidani kepada Plaintiff. Defendan bersetuju untuk menyerahkan kesemua harta yang dituntut tersebut tanpa sebarang syarat dan bayaran daripada Plaintiff.

## 9. KESIMPULAN

Pembahagian harta sepencarian diputuskan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia menunjukkan perlindungan undang-undang diberikan kepada kaum wanita Melayu di Malaysia, serta meletakkan hak kepada yang sepatutnya. Sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita dalam memiliki harta merupakan sesuatu yang tidak boleh dipandang rendah. Ini kerana mereka menyumbang ke arah kestabilan ekonomi dan kerukunan rumah tangga serta menjadi pemangkin kepada perolehan harta-harta di sepanjang tempoh perkahwinan sesebuah pasangan. Kesimpulannya, kes-kes harta sepencarian yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Malaysia merupakan manifestasi pengiktirafan terhadap sumbangan kaum wanita Melayu di Malaysia berasaskan pendekatan “mesra gender”. Kesannya, nasib wanita lebih terbela dengan jumlah bahagian harta yang tertentu. Justeru, pembahagian yang diperintahkan oleh

Mahkamah bergantung kepada budi bicara pihak-pihak jika sesuatu kes tersebut boleh diselesaikan melalui proses perjanjian persetujuan (sulh), serta budi bicara mahkamah dengan melihat kepada takat sumbangan pihak-pihak sebagaimana yang telah diperundangkan dalam Undang-undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa di negeri masing-masing.

## RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Al-Hibri, 'Azizah. (1982). A study of Islamic herstory : or how did we ever get into this mess? In 'Azizah al-Hibri (Ed.), *Women and Islam*. Oxford: Pergamon Press.
- Boto' lwn Jaafar. (1984). *Jilid V, Bhg. 1, JH* (1405), 61.
- Firth, R. (1966), *Housekeeping among Malay peasants* (2nd ed.). New York: The Athlone Press.
- Jamilah Ariffin. (2003). Sejarah pembangunan malaysia dan perubahan peranan wanita-dari sudut ekonomi dan pendidikan. In Siti Fatimah Abdul Rahman (Ed.), *Pemartabatan Wanita Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Kassim Ahmad. (Ed.) (1981). *Kisah pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Lee Hun Hoe. (1973). *Cases on native customary law in Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Mansjur lwn Kamariah Nordin. (1988). *Jld IV, 2 JH* (1410), 289.
- Muhammad Asri Abdullah. (2001). *Tarbiah kekeluargaan Islam*. Perak: Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
- Nik Azam Masri Nik Mahmood. (2004). *Pemilikan harta dalam perkahwinan di Negeri Kelantan: kajian kes di antara tahun 1999-2003*. (Tidak diterbitkan disertasi Sarjana Syariah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Aini Haji Idris. (2008). *Wanita dan pembangunan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noraishah binti Ahmad lwn Omar bin Jusoh & 6 yang lain. (2008). *JH, Jld 26 Bhg 1, JH* (1429), 97.
- Norhayati Yusoff lwn Ahmad Shah bin Ahmad Tabrani. (2008). *JH, Jld 26, Bhg I*, 33-50.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680: volume one the lands below the winds*. New Haven: Yale University Press.
- Roberts lwn Umi Kalsum. (1981). *Jilid II, Bhg. 1, JH* (1402), 82.

- Sabariah binti Md Tan lwn Busu bin Md Tan. (2009). *Jilid 27*, Bhg. 2, JH (1430), 328.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, 2002.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka, 2002.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang, 2005.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perak, 2004.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pulau Pinang, 2004.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah, 2004.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor, 2003.
- Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003.
- Seksyen 58 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perlis, 1992 (pindaan 2007).
- Seksyen 58 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sarawak, 2001.
- Shamsuddin Suhor. (2007). Harta Perkahwinan. In Shamsuddin Suhor & Noor Aziah Mohd Awal (Eds.), *Undang-undang keluarga sivil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zalikhah Md Nor. (1996). *Pemilikan harta dalam perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stivens, M. (1996). *Matriliny and modernity: sexual politics and social change in rural Malaysia*. Victoria: Allen & Unwin.
- Suwaid Tapah. (1996). *Konsep dan amalan harta sepencarian orang-orang Islam di Malaysia*. (Tidak diterbitkan tesis PhD). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Swift, M. G. (1965). *Malay peasant society in Jelebu*. London: The Athlone Press.
- Tengku Anum Zaharah lwn Dato' Dr Hussein. (1980). *Jilid III*, JH (1403), 90.
- Wazir Jahan Karim. (1995). Bilateralism and Gender in Southeast Asia. In Wazir Jahan Karim (ed.), *'Male' and 'Female' in Developing Southeast Asia*. Herndon: Berg Publisher.
- Weedon, C. (1987). *Feminist Practice and Post Structuralist Theory*. Cambridge: Blackwell Publishers.
- Zarah lwn Idris. (1984). *Jilid V*, Bhg. 1, JH (1405), 186.